

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

Bil. (22) dlm. SUKNS 200(08)

454 JILID 7

09 MEI 2023

SESIAPA YANG BERKENAAN

Y.B. Dato'/ Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DI LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, terdapat kekosongan jawatan di Lembaga Muzium Negeri Sembilan seperti berikut:

BIL	JAWATAN	GREED JAWATAN	TARAF JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
1.	Pembantu Tadbir Kewangan	W19	Tetap	1 Jawatan

3. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Sembilan) bagi memenuhi jawatan tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan iklan jawatan untuk rujukan YB. Dato' / Y.Bhg. Dato' / tuan / puan.

4. Perhatian dan komitmen YB. Dato' / Y.Bhg. Dato' / tuan / puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(Drs. SHAMSUDDIN BIN AHMAD)

Pengarah

Lembaga Muzium Negeri

Negeri Sembilan Darul Khusus

sk. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus.

IKLAN JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia, keutamaan diberi kepada rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus untuk memenuhi jawatan berikut :

1. a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W19**
- b) Klasifikasi : Kewangan
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- d) Taraf Jawatan : Tetap
- e) Jumlah Kekosongan : 1 (satu)
- f) Gred/ Jadual Gaji : **Gred W19**

GAJI MINIMUM – RM1,353.00
GAJI MAKSIMUM – RM4,005.00
- g) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 100.00

2. Syarat Lantikan : 1. Calon-calon bagi lantikan terus hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Kelayakan Masuk :

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,353.00)

atau

SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40)

atau

SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40)

atau

SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80)

atau

SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80)

3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan

Pegawai-Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir Kewangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

5. Ringkasan tugas :

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

6. Maklumat Tambahan Pemohon dengan kelayakan SKM hendaklah mendaftarkan kelayakan tersebut di dalam Sistem SPA9 melalui menu "Maklumat Pemohon" -> "Maklumat Kelayakan Akademik" -> "SKM".

Pemohon dengan kelayakan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan atau peringkat Tertinggi hendaklah mendaftarkan kelayakan tersebut di dalam Sistem SPA9 melalui menu "Maklumat Pemohon" -> "Maklumat Kelayakan Akademik" -> "Profesional/Ikhtisas".

7. Cara Memohon :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang **SPA.1 Pin. 7/91** yang boleh didapati di Pentadbiran **LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN** atau dimuat turun di laman web <http://lmns.ns.gov.my>
- b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan yang diakui sah, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran dan lain-lain dokumen yang berkaitan beserta gambar berukuran passport. Bagi pemohon yang lahir di luar Negeri Sembilan hendaklah mengemukakan salinan Sijil Lahir ibu/bapa yang diakui sah yang membuktikan kelahiran Negeri Sembilan.
- c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan /Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 21 Bab 'A' – 1973 dan menyertakan bersama-sama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan bertaip beserta salinan Laporan Nilai Prestasi Tahun untuk tempoh tiga (3) tahun.
- d) Calon -calon yang berkelayakan dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

f) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada :

Pengarah

Lembaga Muzium Negeri Sembilan

Jalan Sungai Ujong

70200 Seremban

Negeri Sembilan Darul Khusus

g) Tarikh permohonan ialah pada : **15 Mei 2023 sehingga 30 Mei 2023**

PERHATIAN :

Permohonan yang lewat diterima , tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan tidak lengkap dengan dokumen-dokumen sokongan tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSIH. MUAFKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DRS. SHAMSUDDIN BIN AHMAD)

Pengarah

Lembaga Muzium Negeri Sembilan